




**AUDIT DALAM
CANSELORI**

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ
UNIVERSITI 1971**

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

STATUT
JAWATANKUASA
AUDIT UNIVERSITI
2023

**JAWATANKUASA GOVERNAN AUDIT
UNIT AUDIT DALAM**



No. 509.**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971****PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA****STATUT JAWATANKUASA AUDIT UNIVERSITI 2023**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 42(1) Perlembagaan Universiti Sains Malaysia [*P.U. (A) 220/2011*], Canselor membuat statut yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Statut ini bolehlah dinamakan Statut Jawatankuasa Audit Universiti 2023.
- (2) Statut ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2023.

Tafsiran

2. Dalam Statut ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971;

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Audit Universiti;

“Juruaudit Dalam” ertinya pegawai sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 15 Perlembagaan dan, bagi maksud Statut ini, disebut sebagai Ketua Audit Dalam;

“Lembaga” ertinya Lembaga Gabenor Universiti; dan

“Perlembagaan” ertinya Perlembagaan Universiti Sains Malaysia.

Fungsi dan kuasa Jawatankuasa

3. Tertakluk kepada Perlembagaan, Statut, Kaedah atau Peraturan, fungsi dan kuasa Jawatankuasa termasuklah—

- (1) mengkaji keperluan Audit Dalam termasuk piagamnya;
- (2) mengkaji keberkesanan dan kemampuan sistem pengawalan Universiti;
- (3) mengkaji perancangan aktiviti audit oleh Audit Dalam yang meliputi skop kerja, jadual, keahlian, serta penyelarasan antara Audit Dalam dengan Audit Luar dan Audit Negara;
- (4) mengkaji laporan daripada Audit Dalam, Audit Luar dan Audit Negara dan memperakukan tindakan susulan yang perlu kepada Lembaga;
- (5) mengkaji dan menasihati Lembaga berhubung dengan penyata kewangan dan laporan-laporan kewangan lain yang dikeluarkan;
- (6) mengkaji dan menasihati Lembaga berhubung dengan maklumat prestasi aktiviti yang tertakluk kepada pengauditan dan perkara lain yang melibatkan tanggungjawab sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga;
- (7) memastikan bahawa Universiti sentiasa mengubah suai pelaksanaan kerja supaya selaras dengan perubahan ikhtisas yang berlaku dalam bidang perakaunan seperti pengisytiharan oleh Institut Akauntan Malaysia dan Jawatankuasa Piawaian Perakaunan Antarabangsa;
- (8) melaporkan kepada pihak pengurusan Universiti mengenai staf yang didapati telah melakukan sebarang penyelewengan, untuk tindakan yang sesuai; dan
- (9) melaksanakan fungsi yang ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Laporan Audit Dalam

4. (1) Jawatankuasa Audit bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Laporan Audit Dalam diberikan perhatian sewajarnya dan di mana-mana yang berkaitan mengarahkan supaya penyiasatan lanjut dijalankan.

(2) Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan maklum balas mengenai Laporan Audit Dalam dengan segera dalam tempoh yang ditetapkan oleh Ketua Audit Dalam.

(3) Jawatankuasa hendaklah membentangkan laporan setiap suku tahun dalam mesyuarat Lembaga. Sekiranya tiada laporan audit diterima, Jawatankuasa hendaklah melaporkan demikian dalam laporan suku tahunnya.

Pelantikan Pengerusi dan Keahlian

5. (1) Jawatankuasa hendaklah dianggotai oleh tiga (3) hingga lima (5) orang ahli Lembaga bukan eksekutif.

(2) Pengerusi Jawatankuasa hendaklah dilantik oleh Lembaga.

(3) Tempoh pelantikan ahli-ahli Jawatankuasa adalah tertakluk kepada tempoh pelantikan sebagai ahli Lembaga.

(4) Pelantikan mana-mana ahli Jawatankuasa boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Lembaga dengan menyatakan sebab bagi pembatalan itu.

(5) Seseorang ahli Jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis kepada Pengerusi Lembaga.

(6) Tertakluk kepada subperenggan (1), Lembaga boleh, pada bila-bila masa, mengubah bilangan keahlian Jawatankuasa.

Setiausaha Jawatankuasa

6. Ketua Audit Dalam hendaklah menjadi Setiausaha kepada Jawatankuasa.

Tatacara mesyuarat

7. Tertakluk kepada subseksyen 23(13) Perlembagaan, Jawatankuasa boleh mengawal selia tatacara mesyuaratnya sendiri.

Kerahsiaan

8. Mana-mana ahli Jawatankuasa tidak boleh mendedahkan atau menyampaikan kepada orang lain, kecuali dalam melaksanakan tugas di bawah Statut ini, apa-apa maklumat yang berada dalam pengetahuannya secara langsung atau tidak langsung.

Kesahan perbuatan Jawatankuasa yang menjalankan tugas berkenaan sebelum kuat kuasa Statut

9. Tiada apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh Jawatankuasa yang menjalankan tugas yang berkenaan sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

Dibuat 1 November 2022
[USM-KPT-26(BM)]

D.Y.M.M. TUANKU SYED SIRAJUDDIN IBNI
AL-MARHUM TUANKU SYED PUTRA JAMALULLAIL
Canselor
Universiti Sains Malaysia